



PETIKAN TITAH



Beta difahamkan, tema Majlis Ilmu tahun ini **berbunyi "Munajat Senegara Dengan Taubat"**.

Tema ini sangat signifikan untuk terus dibincangkan berdasarkan ilmu itu adalah amat luas, tidak ada sempadan.

Memperkatakan tentang Munajat dan Taubat, bahawa munajat bererti berdoa dan berzikir, manakala taubat pula ialah memohon ampun kepada Allah dan menyesali segala perbuatan dosa yang telah dilakukan dan berazam untuk tidak melakukannya lagi.

Sebagai manusia biasa, kita tidak sunyi daripada melakukan kesalahan dan dosa, sehingga perlu untuk sentiasa bertaubat. Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam pernah bersabda yang bermaksud: "Setiap anak Adam pasti melakukan kesalahan (dosa) dan sebaik-baik orang yang melakukan kesalahan (dosa) itu ialah orang-orang yang sentiasa bertaubat". – Hadits riwayat at-Tirmizi.

Maka adalah menjadi kewajipan bagi siapa yang melakukan kesalahan dan dosa, untuk segera bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala tanpa bertangguh, kerana peluang yang ada hari ini belum tentu ada pada hari esok.

Taubat tidak hanya semata-mata dilihat sebagai perbuatan memohon keampunan, menyesali perbuatan dosa dan berazam untuk tidak mengulanginya lagi, bahkan taubat juga mengandungi banyak faedah yang sukar dicapai oleh akal manusia. Antaranya, dengan taubat, dosa terhapus, bala bencana dan musibah terangkat serta azab tertolak.

Dengan taubat juga, pintu rezeki dibuka dengan luas, rahmat dan nikmat turun secara berterusan, dan punca kejayaan dunia dan akhirat. Dengan taubat juga berupaya memberikan ketenangan dan kesihatan mental serta menjauhkan daripada perasaan dukacita. Semua ini adalah janji Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana termaktub di dalam al-Qur'an.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Beta bersyukur kerana kita terus menerus istiqamah dengan cara kita sendiri menghadapi apa jua cabaran dan musibah, iaitu dengan amalan SOP Ugama.

TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sempena Majlis Majlis Ilmu 2023



SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:

Yang Mulia Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:

Jabatan Penerangan



LARIAN AMAL MEMPERINGATI HARI KESEDARAN AUTISME SEDUNIA



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Rabiulakhir 1445 / 5 November 2023 - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas dengan kerjasama SMARTER Brunei mengadakan Larian Amal 'Anak Adalah Anugerah' sempena Hari Kesedaran Autisme Sedunia, Tahun 2023 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Larian amal ini diadakan bagi memperingati Hari Kesedaran Autisme Sedunia yang pada tahun ini bertemakan '**Mengubah Naratif : Sumbangan untuk pelajar dan individu autisme di Rumah, di tempat Kerja, dalam Keselamatan, dan dalam menggubal Dasar**' secara besar-besaran, di samping membantu meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai individu dan pelajar autisme.

Selain itu, larian juga bertujuan untuk mengumpulkan dana yang akan disalurkan kepada pihak SMARTER Brunei, Tabung IKHLAS dan Tabung Pendidikan Khas.

Larian tersebut dibahagikan terbahagi kepada **lima kategori**, iaitu **Kategori Lelaki Terbuka 5 kilometer (km), Kategori Wanita Terbuka 5km, Kategori Pelajar Berkeperluan Khas Lelaki 3km, Kategori Pelajar Berkeperluan Khas Wanita 3km, dan Kategori Berjalan/Larian/Berkerusi Roda 1.5km** bagi orang awam dan pelajar berkeperluan khas.



Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan pelepasan peserta bagi Kategori Wanita Terbuka ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohammad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan yang menyempurnakan pelepasan peserta Kategori Lelaki Terbuka.

Turut hadir semasa acara tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Semasa larian amal tersebut, para peserta dan orang ramai juga boleh mengikuti pelbagai aktiviti termasuk permainan mencari harta karun, permainan teka-teki, melukis wajah, sepak bola, permainan guli, dan Zumba dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran awam tentang pelbagai keperluan pembelajaran di sekolah.

KEJOHANAN FUTSAL ANTARA RUMAH-RUMAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN 2023



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Rabiulakhir 1445 / 05 November 2023 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka mengunggayahkan Kejohanan Futsal Antara Rumah-Rumah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2023 pada 4, 5, 8 dan 14 November 2023 di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Sebanyak **dua kategori** dipertandingkan bagi kejohanan ini, iaitu **Kategori Lelaki Terbuka** dan **Kategori Lelaki Veteran**. **Lima buah pasukan rumah**, iaitu **Bunga Putar, Arap Gegati, Sukma Indera, Silubang Bangsi** dan **Liputan Madu** yang terdiri daripada warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya akan berentap dan bersaing bagi merebut pingat emas, perak dan gangsa.

Majlis Perasmian Kejohanan Futsal Antara Rumah-Rumah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2023 diadakan pada hari Ahad (Malam Isnin), 22 Rabiulakhir 1445/5 November 2023, pukul 7.30 malam di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis dan seterusnya menyempurnakan perasmian Kejohanan Futsal ialah Yang Mulia Pengiran Mohamad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis juga diisikan dengan Ucapan Alu-aluan Pengerusi daripada Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Turut hadir dalam Majlis Perasmian ini ialah Pemangku Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya berserta keluarga.

Pengunggayahan Kejohanan Futsal ini menjadi salah satu platform bagi mencari pemain-pemain pelapis yang berpotensi untuk diangkat menjadi wakil pemain bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam kejohanan futsal antara kementerian-kementerian. Selain itu, dengan adanya pelaksanaan Kejohanan Futsal ini juga turut memupuk semangat kesukanan dan sekali gus memantapkan lagi jalinan ukhuwah serta permuafakatan dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sambungan Muka Surat 4



MAJLIS KHATAM AL-QURAN MEMPERINGATI 10 TAHUN PENUBUHAN PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS



LAMBAK KANAN, Isnin, 22 November 1445 / 6 November 2023 - Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara (PKWE DBM) mengadakan Majlis 10 kali Khatam Al-Quran sempena Memperingati 10 Tahun Penubuhan pusat berkenaan.

Hadir pada majlis yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan 2, Jalan 77, Perumahan Negara Lambak Kanan, ialah Yang Mulia Dayang, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah,

Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Raziman bin Haji Ramli, Bilal Masjid Suri Seri Begawan, Kampung Manggis / Madang.

Kemudian majlis diteruskan dengan ucapan kata alu-aluan oleh Awang Haji Mohd Yussof bin Mohd Salleh, Pengurus PKWE yang antara lain mengongsikan mengenai tujuan majlis diadakan iaitu bagi menyambut 10 tahun penubuhan PKWE DBM dengan membaca Al-Quran sehingga 10 kali khatam.

Awang Haji Mohd. Yussof turut mengongsikan mengenai acara-acara yang akan diadakan selama tujuh hari sempena Penubuhan PKWE Ke-10 Tahun iaitu Majlis Doa Kesyukuran dan Solat Asar Berjemaah; Majlis Khatam Al-Quran 10 kali Khatam; Pertandingan Berdikir; Pertandingan Urusan Rumah Tangga; Majlis Tahlil; Pertandingan Lagu-Lagu Asli; Sukan Ria dan aktiviti jualan di gerai di pusat tersebut.

Setelah itu, majlis disusuli dengan perasmian bagi memperingati 10 tahun Penubuhan PKWE DBM oleh tetamu kehormat, dan diselajurkan dengan Majlis Khatam Al-Quran juga oleh tetamu kehormat.

Bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran telah dikepalai oleh Awang Raziman bin Haji Ramli.

PKWE DBM ditubuhkan pada 12 Mac 2013, di mana Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan merasmikan pusat berkenaan.



Penubuhan PKWE dihasrat menjadi platform untuk membolehkan warga emas untuk bergiat lebih aktif, terutamanya dalam menyumbang khidmat bakti yang berterusan kepada negara dan berfungsi sebagai satu pusat bagi warga emas menjalankan program serta aktiviti harian yang bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada golongan warga emas yang melibatkan kerjasama rakan strategik di antara agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan serta masyarakat setempat sebagai kaedah Whole of Nation.

Ia juga merupakan pusat dukungan masyarakat setempat (community support centre) bagi semua lapisan generasi yang memberikan akses secara inklusif, iaitu mengeratkan jalinan rangkaian di antara warga emas, belia, orang kelainan upaya dan masyarakat setempat.

PKWE juga bertujuan sebagai pusat menimba ilmu pengetahuan, mengisi masa lapang dan meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang, seperti riadah, keagamaan, kesihatan, sosial dan lain-lain ke arah mencapai matlamat-matlamat dalam Pelan Tindakan Warga Emas.

Pada masa yang sama, PKWE dihasrat untuk menyokong pembangunan warga emas melalui persekitaran yang membolehkan mereka meningkatkan kualiti hidup warga emas yang produktif dan berdikari melalui penuaan aktif (active ageing) menerusi penyediaan 'community support centre'.



***INTERNATIONAL CONFERENCE ON WOMEN IN ISLAM:
"STATUS AND EMPOWERMENT"***



JEDDAH, KERAJAAN ARAB SAUDI, Selasa, 23 Rabiulakhir 1445 / 7 November 2023 –

Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri "International Conference on Women in Islam: "Status and Empowerment", di Jeddah, Kerajaan Arab Saudi dari 6 hingga 8 November 2023. Persidangan itu julung-julung kalinya diadakan dan dipengerusikan bersama dan dianjurkan oleh Kementerian Luar Negeri Kerajaan Arab Saudi dan Sekretariat Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). Persidangan itu dihadiri oleh Ketua-Ketua Negara Wanita, Menteri, dan perwakilan dari pelbagai organisasi antarabangsa dan serantau yang terlibat dalam hal ehwal wanita termasuk ulama dan penyelidik dari pelbagai negara di seluruh dunia.

Dengan bertemakan "Status and Empowerment", persidangan itu antara lainnya diadakan untuk menyetengahkan kejayaan dan sumbangan wanita Islam sejak lahirnya Islam sehingga kini, dan menekankan bahawa ajaran dan nilai-nilai Islam telah melindungi dan memperkasa wanita. Persidangan itu juga meneroka beberapa tema dan bidang termasuk cabaran dan peluang untuk wanita Islam dalam masyarakat kontemporari; serta pemerksaan wanita Islam dalam bidang pendidikan dan pekerjaan.

Antara lain, Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin Binti Haji Johari, berucap bahawa peristiwa baru-baru ini telah menekankan akan kepentingan perpaduan Ummah, dan mengutamakan tindakan secara kolektif dalam mempromosi kepentingan dan nilai bersama di peringkat global. Oleh itu, Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan penganjuran Persidangan Antarabangsa ini, untuk menonjolkan keagungan Islam dalam mengangkat martabat wanita, dan menangani kesalahfahaman bahawa ajaran dan nilai-nilai Islam merampas hak wanita dalam masyarakat. Dayang Hajah Nor Ashikin menekankan peranan penting wanita dan gadis dalam memajukan Negara Brunei Darussalam, selaras dengan prinsip-prinsip Maqasid Syariah, dan menyatakan perwakilan wanita dalam dasar dan membuat keputusan adalah tinggi, baik dalam sektor kerajaan mahupun swasta. Beliau juga berkongsi komitmen berterusan Negara Brunei Darussalam untuk memajukan wanita agar lebih jauh, di mana Penyelidikan mengenai Pembangunan Wanita yang telah pun siap baru-baru ini akan membantu dalam penggubalan Pelan Tindakan yang baharu terhadap Wanita.

Turut hadir pada Persidangan itu ialah pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

SEMINAR KEBANGSAAN ARKIB 2023



TUNGU LINK, Selasa, 23 Rabiulawal 1445 / 07 November 2023 - Jabatan Muzium -Muzium melalui Arkib Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Pusat Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddien (SOASCIS), Universiti Brunei Darussalam telah berganding bahu untuk menganjurkan Seminar Kebangsaan Arkib 2023 pada 23 Rabiulawal 1445 / 07 November 2023 di Bilik Senat, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Seminar dengan pameran yang diadakan merupakan salah satu inisiatif dalam mendukung usaha Arkib Negara untuk menyebarkan ilmu dan maklumat bernilai sejarah kenegaraan serta menjadi sebuah institusi penyelidikan negara. Dalam melaksanakan hal ini, ANBD akan terus berusaha meningkatkan hubungan kerjasama dengan Institusi dalam dan luar negara bagi tujuan kongsisama dan penyelidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Seminar Kebangsaan Arkib 2023 ialah Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Walsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pelaksanaan seminar ini juga diadakan bersama dengan pameran yang melibatkan: AND - Pengenalan AND, Maklumat mengenai pengurusan rekod termasuk pemeliharaan rekod, dan Beberapa bahan-bahan arkib yang mempunyai nilai kebangsaan dan sejarah.

SOASCIS, UBD - Penyelidikan-penyelidikan terkini melalui pameran poster dan Buku-buku terbitan SOASCIS.

Kedutaan Besar Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam - Beberapa bahan-bahan arkib yang mempunyai nilai kebangsaan dan sejarah.

Tema seminar ini ialah Kearchiban Masa Depan. Tema ini akan menekankan kepentingan bahan-bahan arkib yang mempunyai nilai kebangsaan dan sejarah untuk memelihara masa depan negara. Ia akan memberikan peluang kepada pihak-pihak bekepentingan seperti penyelidik, ahli sejarah, pakar budaya, penggubal dasar dan lain-lain untuk membincangkan pelbagai aspek pengarkiban dan kesannya terhadap masyarakat. Ini adalah selaras dengan tema Hari Arkib Antarabangsa pada tahun ini iaitu "Archives United" yang menitikberatkan kebersamaan dalam meraikan kepentingan rekod dan arkib yang telah diamanahkan kepada individu, Institusi awam dan swasta.



Seminar ini melibatkan satu (1) pembentangan perdana dari Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam dengan tajuk pembentangan: Preservation of Turkish Archives and its impact on the vision of Türkiye dan dua (2) pembentangan pada sebelah pagi dari Dr Senad Mrahorovic, Pensyarah SOASCIS UBD (Tajuk pembentangan: Rasail by Abdullah Al-Bosnawi – An Unpublished Manuscript) dan Dr Khalil Ahmad, Pensyarah SOASCIS

UBD (Tajuk pembentangan: Al Quran - The Preserved and Everlasting Source of Knowledge). Sesi pembentangan pada sebelah pagi ini akan menggunakan bahasa inggeris sebagai bahasa pengantar. Manakala, taklimat mengenai Peranan ANBD, Pengurusan Rekod, Pemeliharaan dan Pemuliharaan Kertas akan diadakan di sebelah petang. Sesi taklimat pada sebelah petang akan menggunakan bahasa inggeris sebagai bahasa pengantar.

Antara matlamat seminar ini diadakan adalah untuk :

Menarik golongan profesional, penyelidik, dan pihak-pihak berkepentingan yang lain untuk memelihara dan mengkaji bahan-bahan arkib yang mempunyai nilai kebangsaan dan sejarah.



Landasan bagi pertukaran pendapat dan interaksi diantara golongan profesional, penyelidik, penggubal dasar dalam memahami kepentingan arkib negara sebagai repositori rekod sejarah, dokumen dan bahan-bahan yang lain.

Memberikan peluang kerjasama kepada semua dalam memelihara warisan budaya, sejarah, dan kepentingannya kepada masa depan negara.

Meningkatkan kesedaran dan kepentingan pengurusan rekod dalam kalangan penjawat awam.



Seminar dengan pameran ini akan memuatkan aktiviti penjualan buku-buku terbitan Jabatan Muzium-Muzium.

Turut hadir ialah peserta-peserta seminar yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan serta tenaga-tenaga akademik dari Institusi Pengajian Tinggi Awam serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

KURSUS KOMUNIKASI BERKESAN DALAM KEPIMPINAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 Rabiulakhir 1445 / 9 November 2023 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengendalikan Kursus Komunikasi Berkesan Dalam Kepimpinan bagi seramai 23 pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Kursus berlangsung selama dua hari, iaitu pada Rabu dan Khamis, 8 dan 9 November 2023 di Bilik Juri, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Pemudahcara jemputan bagi kursus ini ialah Yang Mulia Tengku Sri Indra bin Ismail, seorang konsultan dan jurulatih yang diiktiraf di dalam bidang Tingkah Laku dan mempunyai pengalaman lebih 30 tahun menjadi mentor dan pakar runding.

Kursus ini akan memberikan pengetahuan mengenai prinsip komunikasi interpersonal, budi pekerti dalam berkomunikasi, minda untuk kesempurnaan dalam komunikasi interpersonal, menyelesaikan konflik dan perundingan di tempat kerja.



MAJLIS PELANCARAN "FESTIVAL KELUARGA HARMONI"



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Rabiulakhir 1445 / 10 November 2023- Bersempena dengan sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) Negara Brunei Darussalam kali ke-11, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengadakan acara "Festival Keluarga Harmoni" selama tiga (3) hari bermula 10 hingga 12 November 2023 yang akan berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan.

Berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Festival itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Keberangkatan Yang Teramat Mulia telah dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penasihat Bersama dan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2023 dan Datin, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd Yakub. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini seterusnya dijunjung bagi merasmikan pelancaran Festival Keluarga Harmoni di Centre Stage, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Selesai acara perasmian, Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia kemudian dijunjung berangkat melawat ke "One Stop Family Hub" dan menyaksikan pameran.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia seterusnya dijunjung berangkat untuk menyaksikan persembahan daripada Makan Ceria Sdn Bhd di Centre Stage dan meneruskan lawatan ke Open Plaza Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi menyaksikan Aktiviti Riadah Keluarga, Pameran Info Keluarga dan Aktiviti Keusahawanan.



Turut hadir ke majlis pelancaran tersebut ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan rakan-rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berserta ahli keluarga masing-masing.

Tujuan utama Festival Keluarga Harmoni ini diadakan adalah untuk menyatukan, menyantunkan dan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dengan penuh rasa kasih sayang, tanggungjawab serta memupuk rasa hormat-menghormati dan juga pemedulian dalam diri setiap keluarga, khususnya sempena Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2023, dengan slogan "Keluargaku Harapanku" dan juga dengan mengambil kira fokus HKK2023 adalah Menerapkan Nilai-Nilai Teras Kekeluargaan Brunei: SaTu HaraPan (Sayang Menyayangi: Tanggungjawab: Hormat-menghormati: dan Pemedulian).

Dengan berkonsepkan "One Stop Family Hub", festival ini menyatukan kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan persatuan badan-badan bukan kerajaan di Negara Brunei Darussalam yang dilaksanakan secara pendekatan senegara (Whole of Nation). Festival ini mengandungi empat (4) konsep iaitu pameran info keluarga dan mini aktiviti, aktiviti riadah keluarga, aktiviti keusahawanan dan aktiviti santai seperti melihat wayang sambil berkelah di taman bersama keluarga. Antara pengisian aktiviti yang akan berlangsung sepanjang festival ini termasuklah:

1. Pameran Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak; Unit Kaunseling serta Talian Kebajikan 141 dan Talian ANAK 121 daripada JAPEM;
2. Permainan tradisi, jualan buku dan Jejak Warisan Brunei daripada Jabatan Muzium-Muzium;
3. Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak, pendaftaran keahlian dan aktiviti mewarna daripada Dewan Bahasa dan Pustaka;
4. Kenali Sejarah Brunei, aktiviti salasilah dan jualan buku daripada Pusat Sejarah Brunei;
5. Pemberigaan Aplikasi "Mengalinga" daripada Jabatan Belia dan Sukan;
6. Pameran Program Khidmat Bakti Negara;
7. Tunjuk cara mengikat Dastar dan Sinjang daripada Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, KKBS;
8. Pameran pemberigaan Perkhidmatan daripada Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama;
9. Klinik bimbingan solat, Al-Fatihah dan Syahadah daripada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB);
10. Pameran Pusat PRIHATIN Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB);
11. Pameran daripada Unit Siasatan Jenayah Penderaan, Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Brunei;





12. Kenali Negara Kitani (KNK) daripada Jabatan Kemajuan Pelancongan;
13. Rakan Seliaan dan tunjuk cara pelaksanaan hukuman sebat daripada Jabatan Penjara;
14. Pameran Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB);
15. Pameran dari Kumpulan Harmoni di bawah Program Eksekutif Muda yang ke-8;
16. Pameran daripada Zahara Charity Foundation;
17. Penyediaan aktiviti penjagaan diri daripada Selfcare Support Network;
18. Food streets, food trucks, food vendors dan jualan produk-produk Pusat Bahagia;
19. Kuiz Kahoot dan juga permainan keluarga.

Antara aktiviti menarik yang boleh disertai oleh orang ramai bersama keluarga ialah Aktiviti Ria-dah Keluarga "SaTu HaraPan" yang akan diadakan pada hari Ahad 12 November 2023 pada pukul 7.00 pagi hingga 12.00 tengahari di Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan.

Antara permainan keluarga yang boleh diikuti ialah Amazing Race Keluarga, Alpha Challenge. Hadiah berupa hamper barangan dapur bernilai sehingga \$50.00 juga akan diberikan kepada pemenang-pemenang. Pendaftaran bagi mengikuti permainan keluarga ini bolehlah dibuat pada hari tersebut bermula jam 6.30 pagi.

Disamping itu diadakan juga tazkirah bertajuk "Menerapkan Nilai-Nilai Teras Kekeluargaan Brunei: SaTu HaraPan" juga akan diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien selepas sembahyang Fardhu Maghrib pada hari Jumaat dan Ahad.



KEMBANGKAN PERTAHANAN KEBUDAYAAN SENI MELAYU



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Rabiulakhir 1445 / 11 November 2023 - Dundang di Dundang yang dinyanyikan oleh Dyg Nur Aqilah binti Maidin dan lagu Dastar yang dipersembahkan oleh Siti Noriana binti Haji Munap masing-masing menjadi johan Kategori 'A' dan 'B' pada Pertandingan Canang Citra Budaya Kali Ke-10 yang diadakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei.

Naib johan Kategori 'A' dan 'B' masing-masing disandang oleh Dyg Nurul Hazimah binti Hamdan dan Raapulrizal bin Abd Karim sementara Dyg Sabrina Eelini binti Haji Mayalin dan Dayangku Amallizawati binti Pengiran Ahmad masing-masing mendapat tempat ketiga bagi Kategori 'A' dan 'B'.

Bagi peserta terbaik keseluruhan dirangkul oleh Dyg Nur Aqilah binti Maidin.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan di Dewan Digadong, KKBS, di sini, ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Canang Citra Budaya ini adalah usaha untuk memperkembangkan dan memelihara kebudayaan dan kesenian melalui pertandingan yang mengetengahkan dan memperkenalkan nyanyian lagu-lagu tradisi Negara Brunei Darussalam.

Antara objektif pertandingan adalah untuk mengangkat seni Melayu khususnya seni muzik dan lagu tradisi yang melambangkan identiti kebruneian serta menggalakkan belia-belia untuk berkecimpung dalam bidang seni muzik dan lagu tradisional di samping, mengumpulkan belia-belia yang berbakat dalam bidang seni suara agar lebih aktif dan inovatif.

Seramai 10 peserta terpilih ke peringkat akhir iaitu lima peserta dalam setiap kategori yang membawakan lagu-lagu irama Melayu yang dicipta oleh pencipta-pencipta tempatan.

Juara Kategori 'A' berumur 18-35 tahun dan Kategori 'B' yang berumur 36 tahun ke atas membawa pulang wang tunai bernilai BND4,000 berserta piala dan sijil. Naib johan membawa pulang wang tunai berjumlah BND3,000 berserta piala dan sijil dan seterusnya tempat ketiga pula menerima hadiah wang tunai BND2,000 berserta piala dan sijil.

Bagi peserta terbaik keseluruhan membawa pulang wang tunai BND500 berserta piala dan sijil.

Pada majlis itu diselajurkan dengan penyerahan sijil kepada Enes Metehan SAHIN selaku pembengkel dari Yildiz Technical University, Republik Turkiye dan peserta-peserta dalam Bengkel Kebudayaan dan Kesenian dalam Permainan Gampus.

Bengkel ini adalah salah satu aktiviti di bawah Memorandum Persefahaman Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan Republik Turkiye.



Sambungan Muka Surat 16



MAJLIS KHATAM AL-QURAN BAGI PELATIH PROGRAM JATI DIRI KOHORT 4 DAN 5



TEMBURONG, Khamis, 28 Rabiulakhir1445/12 November 2023 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara dengan kolaborasi bersama 'Manpower Planning and Employment Council', Jabatan Perdana Menteri dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Kementerian Pendidikan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Pelatih Program Jati Diri Kohort 4 dan 5 telah dilangsungkan di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Batu Apoi Temburong.

Seramai 236 orang Pelatih Program Jati Diri Kohort 4 dan 5 ikut serta majlis tersebut. Hadir Selaku Tetamu Kehormat di majlis tersebut adalah Yang Mulia Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Mejar (Bersara) Haji Mohammad bin Dollah, Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara [BKBN] selaku Pengerusi Majlis.

Majlis tersebut adalah merupakan salah satu kurikulum latihan bagi mengukuhkan ciri-ciri kerohanian, keimanan dan ketakwaan mereka yang telah ditanamkan sepanjang jangkawaktu mengikuti latihan Program Jati Diri.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Tetamu Kehormat dan seterusnya diikuti dengan bacaan-bacaan Khatam Al-Quran, Takhtim dan Tahlil yang diketuai oleh 1544 Pelatih Abu Hurairah bin Hj Mohamad Azman dari Platun 7 dan Bacaan Doa Khatam diketuai oleh 1531 Pelatih Muhd Nur Syahmi bin Abdul Razak dari Platun 6. Manakala, Doa Allah Peliharakan Sultan diketuai oleh 1436 Pelatih Abdul Rais Al Hafiz bin Haji Abd. Razak dari Platun 2 dan seterusnya Dikir Marhaban yang diketuai oleh Ustaz Muhammad Hazwan Hakeem bin Jamaluddin, Penolong Pegawai Kerohanian dan Keagamaan Program Jati Diri Kohort 4 dan 5.

Atur cara di teruskan lagi dengan Sesi Penyampaian Sijil kepada para Pelatih Program Jati Diri Kohort 4 dan 5 yang disampaikan oleh Tetamu Kehormat bagi Pelatih Lelaki manakala Ketua Sekretariat Tetap 'Manpower Planning and Employment Council' bagi Pelatih Perempuan.

Majlis tersebut telah berjaya memenuhi segala tujuan yang telah dihasratkan khususnya mewujudkan para Pelatih Program Jati Diri dan belia yang Syumul dan cemerlang kearah mendukung konsep 'Melayu Islam Beraja' dan 'Negara Zikir'.



TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Rabiulakhir 1445 /14 November 2023 - Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima beberapa sumbangan bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Md Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan sumbangan dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berjumlah Seratus Ribu Ringgit (BND100,000.00).

Yang Berhormat Dato juga seterusnya menyerahkan sumbangan berupa tiga (3) buah Field Hospital dari kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dianggarkan bernilai Dua Juta Ringgit (BND2,000,000.00) kepada rakyat Palestin di Gaza.

Field Hospital berkenaan merupakan Air Capsule yang sebelum ini digunakan oleh Negara Brunei Darussalam sebagai makmal dan mempunyai pelbagai fungsi (multi-purpose) yang telah diterbangkan dari Hong Kong SAR. Sebuah Field Hospital tersebut berukuran 14.5 meter (panjang) dan 5 meter (lebar) dan 3.3 meter (ketinggian).

Sumbangan Field Hospital ini bertujuan untuk membantu meringankan kesengsaraan dan beban penderitaan penduduk Palestin yang terjejas di Gaza berikutan pertempuran yang berlarutan sejak 7 Oktober 2023.



Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menyumbangkan sejumlah Seratus Ribu Ringgit (BND100,000.00) yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Junaidi bin Haji Masri, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, BIBD.



Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) menyumbangkan sejumlah Seratus Ribu Ringgit (BND100,000.00) yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Edzwan Zukri bin Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan, Pemangku Pengarah Urusan Perbadanan TAIB. Jumlah derma tersebut adalah sumbangan daripada Perbadanan TAIB.



Makan Ceria Sdn. Bhd menyumbangkan Seratus Ribu Ringgit (BND100,000.00) yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Mohamad Al-Fatah bin Haji Seruji, Pengurus Am, Makan Ceria Sdn. Bhd. Sumbangan ini merupakan sokongan terhadap inisiatif kepada pihak kerajaan dan merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat Mc Donald's Brunei.



Majlis Belia Brunei (MBB) menyampaikan sumbangan berjumlah Empat Puluh Satu Ribu Tujuh Ratus Ringgit (BND41,700.00) iaitu hasil kutipan aktiviti Langkah Solidariti Palestin ("Steps for Solidarity") yang dianjurkan dengan gabungan persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan pada 5 November 2023 di Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan.



Sumbangan tersebut disampaikan oleh Yang Mulia Awang Mohammad Ashmeer Imtiaz Ahmad, selaku Penganjur Bersama aktiviti berkenaan.



Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Yang Mulia Haji Maswadi Haji Mohsin, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Yang Mulia Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB, Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, pegawai-pegawai kanan dari KKBS dan Jabatan Pembangunan Masyarakat serta wakil daripada agensi-agensinya yang menyerahkan.

Jawatankuasa Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah bersetuju untuk membuat penghantaran jumlah kutipan bagi fasa pertama dalam masa terdekat melalui pertubuhan organisasi antarabangsa yang akan dikenalpasti.

SUMBANGAN DERMA UNTUK TABUNG ANAK-ANAK YATIM HASIL KUTIPAN ACARA UBD RUN



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Jamadilawal 1445 / 15 November 2023 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, menerima sumbangan bagi Tabung Anak-anak Yatim berjumlah BND3,000 daripada Universiti Brunei Darussalam (UBD) petang tadi di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan yang diserahkan berkenaan adalah sebahagian daripada hasil kutipan yuran larian acara UBD Run 2023 yang diadakan pada 15 Oktober 2023 lalu sempena meraikan graduan Konvokesyen UBD Ke-35 dan pengambilan para pelajar UBD bagi kohort Ogos 2022/2023 yang baharu menamatkan Freshers' Week.

Kempen berkenaan merupakan platform bagi komuniti UBD dan orang ramai untuk sama-sama melibatkan diri dalam aktiviti fizikal dan menggalakkan gaya hidup sihat sambil menyumbang kepada masyarakat yang memerlukan.

Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle, Naib Canselor, UBD.

Turut hadir menyaksikan penyerahan berkenaan ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Profesor Madya Pengiran Dr. Mohd. Iskandar bin Pengiran Haji Petra, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik); dan Pemangku Penolong Naib Canselor (Korporat dan Pentadbiran), para pegawai kanan daripada UBD dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.

MIHARBI HUNTERS JUARA LIGA SUPER SEPAK TAKRAW



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Jamadilawal 1445 / 19 November 2023 - Johan Liga Super Sepak Takraw TAIB Terbuka 2023 dirangkul oleh Pasukan Miharbi Hunters (MHH) setelah menumpaskan Pasukan Muara Spurs (MS) dalam suatu perlawanan akhir yang sengit berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia, di ibu negara.

Dalam perlawanan set pertama, MHH mendahului dengan kutipan mata 21-13. Namun pada perlawanan set kedua, MS bangkit memberikan saingan sehingga memenangi perlawanan set kedua dengan kiraan 21-11.

MHH kemudiannya bangkit daripada kekalahan set kedua dan menewaskan MS pada set ketiga dengan kiraan 21-19.

Hadir menyaksikan perlawanan akhir Liga Super Sepak Takraw TAIB Terbuka 2023 seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Sementara itu, tempat ketiga bersama dirangkul oleh MS Pasukan Polis Diraja Brunei 'B' dan Brunei Legend 'B'.

Johan menerima wang tunai sebanyak BND5,000 berserta piala pusingan dan pingat kemenangan. Manakala naib johan pula menerima wang tunai sebanyak BND3,000 dan pingat kemenangan. Tempat ketiga bersama masing-masing menerima wang tunai sebanyak BND1,000 dan pingat kemenangan.

Sementara itu, pemenang bagi Feeder Terbaik dimenangi oleh Awang Abdul Hadi Ariffin bin Matali dari MHH, Killer Terbaik jatuh kepada L/KPL 6178 Zatie Hidayat bin Saidi dari Majlis Sukan Polis Diraja Brunei 'B' sementara Tekong Terbaik diterima oleh Awang Md. Selamat bin Yakub dari MS.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah mengisytiharkan Penutupan Rasmi Kejohanan Liga Super Sepak Takraw TAIB Terbuka 2023.

Sebanyak 20 buah pasukan telah menyertai Liga Super Sepak Takraw TAIB Terbuka 2023 ini yang bermula pada 15 Oktober hingga 19 November 2023.

Antara matlamat Kejohanan Liga Super Sepak Takraw TAIB Terbuka 2023 ini sebagai promosi bagi menarik minat orang ramai berkecimpung dalam Sukan Sepak Takraw dan seterusnya mencari bakat baharu yang berpotensi untuk diserapkan dalam program atlet pembangunan, pelapis dan pemain kebangsaan.

Dalam pada itu, KKBS ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penaja-penaja khususnya kepada Perbadanan Tabung Amanah Islam (TAIB) selaku penaja utama kejohanan ini, Persatuan Sepak Takraw Kebangsaan (PESTABARU) dan semua yang terlibat dalam menjayakan Liga Super Sepak Takraw TAIB Terbuka 2023 ini.



MAJLIS PERASMIAN PROJEK BAKAT



GADONG, Isnin, 6 Jamadilawal 1445 / 20 November 2023 - Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Sekolah Rendah Rimba 1, Kluster 3 dapat merealisasikan satu projek yang menetengahkan dan mengapresiasi bakat seorang murid berkeperluan khas menerusi projek BAKAT yang turut diadakan bersempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia, 2023. Projek BAKAT (singkatan daripada Bimbing, Asuh, Kasihi, Anak Teristimewa) ini ialah cetusan hasil pemikiran daripada seorang guru Special Educational Needs (SEN) di Sekolah Rendah Rimba 1, Kluster 3 yang dapat melihat dan memahami kemampuan seorang murid berkeperluan khas di bawah didikannya.

Adik Mohammad Bazil Wazien bin Indra Erwan Shah, murid berkeperluan khas Tahun 4 di Sekolah Rendah Rimba 1, Kluster 3 ini mempunyai potensi dan bakat dalam melukis serta mewarna. Dalam Projek BAKAT ini, kemampuan dan bakat Mohammad Bazil Wazien bin Indra Erwan Shah berjaya diketengahkan menerusi penglibatannya dalam menghasilkan lukisan dinding Doodle dan buku mewarna. Hasil kedua-duanya ini dapat dilihat menerusi Lukisan Dinding Doodle BAKAT Wazien dan penerbitan Buku Mewarna BAKAT Wazien.

Majlis Perasmian Projek BAKAT diadakan pada hari Isnin, 6 Jamadilawal 1445 bersamaan 20 November 2023 di Sekolah Rendah Rimba 1, Kluster 3. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis dan seterusnya menyempurnakan perasmian Projek BAKAT, pelancaran Buku Mewarna BAKAT Wazien serta Lukisan Doodle BAKAT Wazien dan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Mewarna Lukisan Buku Mewarna BAKAT Wazien sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia, 2023 ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis juga diisikan dengan Ucapan Alu-aluan daripada Yang Mulia Dayang Aji binti Haji Ahmad, Mantan Guru Besar Sekolah Rendah Rimba 1, Kluster 3.

Majlis diselenggarakan dengan Penandatanganan Perjanjian Lesen Untuk Menerbitkan Karya antara Dewan Bahasa dan Pustaka selaku penerbit buku dengan Adik Mohammad Bazil Wazien bin Indra Erwan Shah selaku pengkarya; Pelancaran Buku Mewarna BAKAT Wazien; Pelancaran Lukisan Doodle BAKAT Wazien; dan Pertandingan Mewarna Lukisan Buku Mewarna BAKAT Wazien sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia, 2023.

Turut hadir dalam Majlis Perasmian ini ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ketua-ketua jabatan, para pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Dengan adanya pelaksanaan projek ini akan menjadi salah satu platform dalam menyuntik semangat dan meningkatkan keyakinan diri khususnya murid berkeperluan khas dalam menyerahkan kemampuan dan bakat mereka.



**PERUTUSAN
YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
SEMPENA
SAMBUTAN HARI ANTARABANGSA ORANG KELAINAN UPAYA 2023**



3hb Disember 2023 sekali lagi menandakan **Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (International Day of Persons with Disabilities)** di Negara Brunei Darussalam bersama Negara-Negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan tema **“United in action to rescue and achieve the SDGs for, with and by persons with disabilities”** iaitu **“Bersatu-padu dalam tindakan menyelamatkan dan mencapai SDG untuk, dengan dan oleh orang kelainan upaya”**.

Fokus tema tahun ini adalah mengenai Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals (SDGs) dan bagaimana kita perlu berusaha ke arah tahun 2030 untuk menjadikan dunia lebih saksama bagi semua individu termasuk untuk Orang Kelainan Upaya (OKU). Tema ini juga menggariskan kepentingan penyertaan yang berterusan bagi memastikan pandangan dan suara OKU sentiasa diambilkira melalui pendekatan senegara. Perkara ini adalah mustahak untuk direalisasikan demi memastikan penjagaan dan kebajikan warga OKU akan sentiasa dipedulikan dan tidak tercalar dari sokongan jaminan sosial.

Acara kemuncak Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya pada tahun ini ialah **“Inclusive Fun Fest”** yang akan diadakan pada Hari Ahad, 03 Disember 2023 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien. Acara ini akan melibatkan kerjasama dari Kementerian Kesihatan, Jabatan Pendidikan Khas di bawah Kementerian Pendidikan, Pendidikan Khas Ugama di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama serta rakan-rakan strategik lain seperti Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC), persatuan-persatuan OKU di bawah Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) seperti Special Olympics Brunei Darussalam (SOBD). Penglibatan daripada persatuan yang lain termasuklah Paralympic Council Brunei Darussalam (PCBD), Projek IMPIAN, La Vida, Uniklearn An Nur Harapan dan BI-JAK.

Menurut perangkaan Jabatan Pembangunan Masyarakat sehingga November 2023, sejumlah **5,617** orang pada masa ini menerima **Elaun Kurang Upaya**, dan seramai **1,090** orang menerima Elaun **Penyedia Penjagaan**, iaitu khas kepada penjaga OKU. Perutusan YB Menteri KKBS, Hari Antarabangsa OKU 2023.



Setelah berkuatkuasanya Akta Orang Kurang Upaya 2021, pihak kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah menyediakan satu platform **Sistem Pendaftaran Kebangsaan OKU** bagi pengumpulan data yang bertujuan untuk memantau golongan OKU di negara ini. Setakat ini seramai **1,536 orang OKU** telah didaftarkan ke dalam Pendaftaran **Kebangsaan Orang Kelainan Upaya**.

Insyaa Allah, berkaitan mengenai system pendaftaran tersebut, **Kad OKU** akan dikeluarkan bagi setiap individu OKU yang berdaftar. Persediaan bagi Kad OKU tersebut telah giat dilaksanakan melalui perbincangan bersama pihak MKOKU dan agensi-agensi kerajaan lain, dari segi reka bentuk Kad OKU dan paling penting, bagi mendapatkan persetujuan dari segi faedah-faedah yang akan diberikan kepada pemegang Kad OKU.

Antara pencapaian yang dapat dilihat juga, adalah peningkatan kesedaran awam mengenai penyertaan golongan OKU dalam pasaran pekerjaan, dan kita amat menyambut baik usaha berterusan agensi kerajaan, khususnya pihak Sekretariat Tetap Manpower Planning Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri. Sewaktu Ekspo Kerjaya 2023, pihak MPEC, telah mengusahakan sejumlah **66 peluang pekerjaan khusus bagi golongan OKU yang ditawarkan** oleh syarikat-syarikat swasta. Ini setentunya mendukung hasrat negara agar golongan OKU diberi peluang yang sama dengan masyarakat awam.

Dari segi Pendidikan, Alhamdulillah negara sedang menuju ke arah pendidikan secara holistik, yang mana Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan telah melancarkan Buku Rangka Kerja dan Buku Panduan Pendidikan Khas bagi Iubapa dan guru-guru pada 2 Februari 2023 yang digunakan sebagai panduan menilai tahap keperluan pendidikan seseorang murid dan intervensi yang diperlukan bagi memastikan akses pendidikan mereka tidak terjejas. Dalam pada itu, Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam juga telah didaftarkan sebagai institusi pendidikan swasta yang julungkali menyediakan pendidikan khas bagi kanak-kanak OKU di peringkat tadika dan rendah.





Bersempena Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) tahun 2023, marilah kita sama-sama memperkukuhkan semangat dan tekad sebagai satu negara untuk Perutusan YB Menteri KKBS, Hari Antarabangsa OKU 2023 mencapai kualiti hidup tinggi bagi golongan orang kelainan upaya, khususnya dalam merancang dan melaksanakan inisiatif dalam bidang-bidang berkepentingan termasuk sektor pendidikan, kesihatan, sosial, digital, ekonomi, dan sukan demi manfaat golongan OKU yang perlu untuk dijaga dan dipedulikan. Ke arah itu, sama-samalah kita bertindak dan berusaha mempertingkatkan kualiti kehidupan serta akses OKU dalam pelbagai sudut untuk memastikan kesejahteraan mereka, disamping memastikan yang golongan ini akan terus menyumbang ke arah peningkatan sosial, kemajuan ekonomi, kemakmuran negara, dan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Dengan segala kerendahan hati, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala jasa dan pengorbanan yang telah disumbangkan oleh setiap OKU di negara ini termasuk para ibu bapa, penjaga, tenaga pengajar sekolah dan institusi latihan. Marilah sama-sama kita mendoakan semoga orang-orang kelainan upaya di Negara ini akan sentiasa dilindungi, dikurniakan kesihatan dan keazaman yang tinggi. Akhirnya, diucapkan Selamat Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya.

Kasihi dan Lindungi Orang Kelainan Upaya.

MESYUARAT MENTERI-MENTERI ASEAN MENGENAI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN (AMRDPE KE-13) KE 13



SINGAPURA, Rabu, 8 Jamadilawal 1445/ 22 November 2023 – Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (AMRDPE ke-13) ke-13 di Singapura pada 22 November 2023. Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Masagos Zulkifli, Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga Singapura.

AMRDPE ke-13 di bawah tema "Strengthening Community-based Approaches and Social Protection for Poverty Alleviation", mengetengahkan pembasmian kemiskinan di rantau ASEAN dengan bertukar-tukar pandangan dan amalan terbaik serta menyediakan panduan strategik dan hala tuju dasar mengenai kerjasama pembangunan serantau untuk menambah baik kehidupan rakyat yang kurang berkemampuan.

Pada mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Dato antara lain menekankan peranan Sistem Kebajikan Negara sebagai alat penting dalam menyediakan platform utama untuk memohon bantuan kebajikan, serta menjana data berkaitan kemiskinan yang berharga yang boleh membantu dalam pembentukan program yang disasarkan untuk memperkasa golongan yang memerlukan.

Yang Berhormat Dato juga menegaskan peranan penting Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat. Beliau juga berkongsi bahawa pengkajian semula skim perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, khususnya penurunan syarat umur kelayakan, telah meluaskan kumpulan pemimpin masyarakat akar umbi untuk juga merangkumi golongan belia yang mana lebih 20% daripada pemegang jawatan tetap pemimpin akar umbi adalah berumur 40 tahun dan kebawah. Yang Berhormat Dato seterusnya menekankan komitmen dan sokongan kerajaan terhadap usaha berasaskan komuniti melalui Badan-Badan Bukan Kerajaan, untuk mengurangkan kemiskinan dan merapatkan jurang pembangunan di Negara Brunei Darussalam melalui pendekatan senegara. Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat Dato berkongsi bahawa Negara Brunei Darussalam melalui agensi-agensi seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah memberi sokongan kewangan kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan untuk menganjurkan program dan aktiviti berkaitan penjagaan kesejahteraan masyarakat yang memerlukan.



Pada mesyuarat tersebut, Menteri-Menteri telah mengesahkan Kenyataan Bersama bagi Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan yang antara lainnya bersetuju untuk mengukuhkan pendekatan berasaskan komuniti bagi dalam dan luar bandar dalam pembentukan, pelaksanaan dan penilaian langkah-langkah perlindungan sosial yang menyasarkan golongan miskin dan yang memerlukan, serta memperkasa langkah-langkah yang mendukung pembangunan perusahaan tempatan di dalam dan luar bandar.

Menteri-menteri juga menugaskan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (SOMRDPE) untuk bekerjasama merentasi sektor dan tonggak dengan Badan Sektor ASEAN yang berkaitan dan rakan kongsi ASEAN untuk mempercepatkan pelaksanaan Pelan Tindakan Rangka Kerja ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan 2021-2025 untuk memastikan ianya siap menjelang 2025, dan pengoperasian Pelan Induk ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar, serta rangka kerja ASEAN lain yang berkaitan seperti Kenyataan Bersama Pemimpin ASEAN mengenai Penubuhan Rangkaian Kampung ASEAN.

Mesyuarat AMRDPE ke-13 didahului oleh Forum ASEAN Public Private People Partnership ke-12 mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan pada 20 November 2023, dan Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN ke-20 mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (SOMRDPE) serta Mesyuarat SOMRDPE Campur Tiga ke-16 pada 21 November 2023.

Anugerah Kepimpinan Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan ASEAN ke-6 juga telah diadakan pada 21 November di Marina Bay Sands Expo and Convention Centre, untuk mengiktiraf peranan, pencapaian cemerlang dan sumbangan pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta di Negara Anggota ASEAN terhadap pengurangan kemiskinan di dalam masyarakat setempat.

Pada tahun ini, Brunei Shell Petroleum (BSP) yang diwakili oleh Yang Mulia Haji Mohd Jaafar bin Haji Awang Bakar, Pengurus Korporat BSP, dan Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) yang diwakili oleh Yang Mulia Mohd Yusof bin Abd Halim, Presiden MKM, menerima anugerah di bawah kategori Sektor Swasta dan kategori Badan Bukan Kerajaan masing-masing, atas sumbangan besar mereka dalam membantu memperkasakan golongan kurang berkemampuan di Negara Brunei Darussalam.



Hadir mengiringi Yang Berhormat Dato ialah Yang Mulia Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam.



WIRA FAJAR PROGRAM BELIA SEMBAHYANG FARDU SUBUH BERJEMAAN DI MASJID BAGI TAHUN 1445/2023



BUNUT, Jumaat, 10 Jamadilawal 1445 / 24 November 2023 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengunghkayahkan Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah Di Masjid bagi Tahun 1445H/2023M bertempat di Masjid Kampung Bunut.

Hadir ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Juga hadir Awang Haji Muhammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, KHEU; Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS; Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS; Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS; Yang Mulia Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md Salleh, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU; Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pegawai Daerah Brunei Muara; serta pegawai-pegawai kanan KHEU dan KKBS.

Program diisikan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid Kampung Bunut, Awang Mohd Nadzri bin Haji Abd Karim, diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Belia Siaga Masa Depan' disampaikan oleh Penolong Pendaftar Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr Muhamad Yadly bin Haji Mat Yassin.

Wira Fajar diselajurkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dipimpin oleh Belia Masjid Kampung Bunut, Awang Muhammad Ibnu Said Fakhri bin Alim Saidi, serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dikepalai oleh Imam Masjid Kampung Bunut serta dimuatkan juga dengan doa khusus keselamatan dan kesejahteraan rakyat Palestin, dan diakhiri dengan Sembahyang Sunat Dhuha.

Majlis turut disertai seramai lebih 400 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid; Pegawai-Pegawai Kerajaan; Persatuan dan Pergerakan Belia; Belia-Belia Masjid serta penduduk sekitar Kampung Bunut.

Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah Di Masjid ini dihasratkan dapat mendidik diri para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat yang membawa belia-belia mendukung gagasan Negara Zikir.



KARNIVAL SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK SEDUNIA 2023



JERUDONG, Ahad, 11 Rabiulawal 1445 / 26 November 2023 - Persatuan Pediatrik Brunei (Brunei Paediatric Society - BPS) telah mengadakan karnival bersempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2023 di peringkat negara bertempat di Jerudong Park Garden.

Acara dihadiri oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Karnival tersebut dianjurkan bersama oleh Jabatan Pediatrik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Kira-kira 1,000 kanak-kanak bersama ibu bapa dan penjaga telah menyertai karnival yang diadakan dengan penuh warna-warni dan meriah itu.

Kanak-kanak berkeperluan khas dan berkelainan upaya daripada Pusat Perkembangan Kanak-Kanak dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam juga tidak ketinggalan untuk sama-sama menghadiri karnival yang sesuai dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu 'Kemasukan, Untuk Setiap Kanak Kanak' (Inclusion, For Every Child).



Pelbagai aktiviti telah disediakan sepanjang karnival berlangsung termasuk larian berhalangan, permainan belon, bouncer, acara boling dan sebagainya.

Vendor-vendor penjual makanan dan barangan lain juga turut disediakan bagi memeriahkan lagi suasana karnival.



Sejak 14 Disember 1954, Hari Kanak-Kanak Sedunia telah diraikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 20 November setiap tahun dengan tujuan untuk menggalakkan kerjasama di tahap antarabangsa dalam melindungi hak kanak-kanak dan mengutamakan

MAJLIS PEMBERIAN BANTUAN KEWANGAN USAHAWAN 2023 KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BERAKAS, Ahad, 12 Jamadilawal 1445 / 26 November 2023 – Sebanyak sembilan perusahaan-perusahaan belia telah menerima bantuan kewangan keusahawanan dan kemudahan Inkubator Keusahawanan Belia dalam Majlis Pemberian Bantuan Kewangan Keusahawanan 2023, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah disampaikan oleh Yang Mulia Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Tetamu Kehormat majlis berkenaan. Majlis berlangsung di Bilik VIP, Stadium Negara Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pemberian bantuan kewangan keusahawanan ini melibatkan tujuh (7) buah syarikat yang mengikuti Youth Business Pitch 2022 dan dua (2) buah syarikat yang mengikuti Program YDC Light's On. Majlis turut diteruskan dengan penandatanganan surat penerimaan bantuan kewangan dan penyampaian sijil-sijil kepada para belia yang mengikuti Pertandingan Youth Business Pitch anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bidang Keusahawanan adalah merupakan satu bidang kerjaya yang berpotensi untuk dipelopori serta diterokai kerana ianya adalah merupakan salah satu usaha positif dalam memperkasa dan menjana pertumbuhan ekonomi negara serta dapat mewujudkan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan di negara ini.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus komited dalam mendukung pembangunan ekosistem keusahawanan melalui penyediaan peluang serta platform keusahawanan melalui perancangan dan pelaksanaan program serta aktiviti khusus bagi golongan belia di negara ini.

Perlaksanaan program dan aktiviti keusahawanan seumpama ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memperluaskan dan membina peluang keusahawanan melalui penyediaan platform dan bantuan (grant) dan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 melalui Strategi Teras 3: Pendidikan, Kebolehambilan Kerja dan Pekerjaan Wajar (Decent Work) iaitu memberikan akses kepada belia untuk maju dalam bidang keusahawanan dan perniagaan yang akan turut mendokong ke arah pembangunan dan pencapaian ekosistem keusahawanan belia di negara ini melalui penglibatan golongan belia dalam bidang perniagaan yang berpotensi untuk dikembangmajukan dan diperkasa.



MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI ROMBONGAN RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN (SSEAYP) KE-47, 2023



BERAKAS, Rabu, 15 Jamadilawal 1445 / 29 November 2023 - Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menghantar Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) ke-47, 2023 di Tokyo, Jepun selama 10 hari bermula 29 November hingga 8 Disember 2023. Delegasi NBD terdiri daripada seorang National Leader, Dayang Hajah Siti Shamsiah binti Haji Sajali bersama 10 orang belia berumur antara 18 hingga 33 tahun yang diketuai oleh YM Awang Muhammad Asyraf bin Zulkipli selaku Ketua Belia, dan YM Dayang Nurul Hazirah binti Haji Jahari selaku Penolong Ketua Belia.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera NBD kepada ketua delegasi telah diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas. Hadir menyempurnakan penyerahan bendera kepada ketua delegasi ialah YB Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis juga diselenggarakan dengan penyerahan tiket penerbangan kepada ketua delegasi yang diserahkan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Maeda Toru. Turut hadir semasa majlis tersebut ialah YM Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta kakitangan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan para ibu bapa peserta program berkenaan.



كمتريڤ كبوداڤان بليا دان سوكن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

